



## **KERTAS CADANGAN**

### **KURSUS INTENSIF TRANSFORMASI DIGITAL MELALUI PENGGUNAAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE (CHATGPT) BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH (MPKK)**

Disediakan untuk:

MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH (MPKK)  
No 1 Lebuhr Bandar 2, Bandar Putra, 09000 Kulim, Kedah

(U/P: Tuan Haji Hamzah bin Ab Halim, BCK., PJK.)  
Emel: hamzahhalim65@gmail.com

---

*Semua maklumat yang terkandung dalam kertas cadangan ini adalah sulit dan rahsia disediakan untuk MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH (MPKK) dengan pemahaman bahawa ianya tidak akan digunakan atau didedahkan pada pihak lain tanpa kebenaran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), kecuali untuk tujuan penilaian sahaja.*

Disediakan oleh:

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA**  
Pejabat Wilayah Utara  
Jln Tun Hamdan Sheikh Tahir, 13100 Kepala Batas, Penang

## **1.0 Tujuan**

Kertas cadangan ini disediakan untuk memenuhi keperluan latihan daripada Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) bagi menjalankan program latihan bertajuk Kursus Intensif Transformasi Digital melalui Penggunaan AI (ChatGPT) bagi Meningkatkan Produktiviti dan Kecekapan Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK). Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Pejabat Wilayah Utara mencadangkan program berbentuk bengkel berlangsung selama dua (2) hari diadakan di mana MPC akan bertindak sebagai fasilitator bagi program ini.

## **2.0 Latarbelakang**

2.1 Penggunaan teknologi canggih seperti Kecerdasan Buatan (AI) telah menjadi kunci utama dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi di pelbagai sektor, termasuk sektor awam. Di tengah-tengah perkembangan pesat ini, MPKK perlu memastikan bahawa kakitangannya dibekalkan dengan kemahiran dan pengetahuan terkini untuk terus relevan dan berdaya saing.

2.2 Latihan intensif AI (ChatGPT) adalah kritikal kerana ia mampu meningkatkan kecekapan kerja dengan automasi tugas rutin, memperkasakan penjawat awam dengan kemahiran terkini, memperbaiki kualiti perkhidmatan awam, serta memudahkan analisis data dan laporan. Selain itu, ia menyokong transformasi digital sektor awam, menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam penyelesaian masalah, mengurangkan risiko kesilapan manusia, dan meningkatkan kepuasan kerja penjawat awam. Kesemua ini menjadikan latihan ini sebagai satu langkah penting bagi MPKK untuk terus maju dalam memberikan perkhidmatan yang efisien dan berkualiti kepada masyarakat.

2.3 Melalui pakej latihan ini adalah diharapkan pihak MPKK akan menjadikan teknologi ini sebagai alat utama dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja penjawat awam. Ditambah pula dengan perkongsian dan interaksi pengalaman antara fasilitator kursus dengan para peserta.

### **3.0 Objektif**

Dengan mengikuti kursus ini objektif berikut dapat dicapai:

- 3.1 Meningkatkan kemahiran kakitangan di MPKK dalam menggunakan AI, khususnya ChatGPT, untuk melaksanakan tugas harian dengan lebih cekap dan berkesan.
- 3.2 Memperkasa kakitangan MPKK dengan teknik dan strategi terkini dalam penulisan surat, email, artikel, minit mesyuarat, laporan, penyediaan slide pembentangan menggunakan AI, termasuklah bagi proses kelulusan permit dan lesen;
- 3.3 Memperkenalkan kaedah analisis data dan pelaporan menggunakan ChatGPT untuk meningkatkan ketepatan dan kualiti kerja;
- 3.4 Menggalakkan penggunaan AI dalam mempercepatkan proses kerja dan meningkatkan produktiviti di MPKK.

### **4.0 Sasaran Peserta**

- 4.1 Kakitangan di MPKK yang terlibat dalam penulisan, penyediaan laporan, pembentangan, pengurusan data dan memproses kelulusan permit dan lesen;
- 4.2 Pemilihan dan penyediaan peserta akan dibuat sepenuhnya oleh pihak MPKK;
- 4.3 Bilangan peserta bagaimanapun dihadkan kepada 40 orang bagi setiap sesi kursus. Bilangan yang lebih ramai akan mengurangkan tahap keberkesanan kursus; dan
- 4.4 Pihak MPKK dikehendaki menghantar senarai peserta yang mengandungi nama, jawatan dan unit/bahagian masing-masing.

### **5.0 Outcome**

- 5.0 Peserta mampu menggunakan ChatGPT untuk melaksanakan tugas harian seperti penulisan laporan dan menyusun surat rasmi, email, dan artikel dengan tepat dan cepat termasuklah proses kelulusan permit dan lesen;

- 5.1 Peserta dapat menghasilkan minit mesyuarat, laporan, dan slide pembentangan yang profesional dan efektif dengan bantuan AI;
- 5.2 Peserta dapat menganalisis data dan menyediakan laporan analitik yang berkualiti tinggi dengan memanfaatkan fungsi ChatGPT; dan
- 5.3 Peserta mempunyai keyakinan untuk menggunakan AI dalam mempercepat tugas harian dan meningkatkan kecekapan jabatan.

## 6.0 Metodologi

### 6.1 Penggunaan metodologi:

- Syarahan
- Slaid Pembentangan
- Kerja dalam kumpulan

### 6.2 MPKK perlu menyediakan kelengkapan / peralatan untuk kegunaan latihan sebagaimana berikut semasa kursus:

- Laptop/Komputer Riba

### 6.3 Peserta daripada MPKK perlu menyediakan bahan (imej/ gambar/ dokumen/ laporan) untuk dianalisis atau diproses dengan bantuan Chatgpt semasa sesi kursus untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran. Ini bagi menambahkan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran.

### 6.5 Pengesahan bertulis dari pihak MPKK adalah diperlukan sebelum program ini dapat dijalankan. Ini dibuat dengan pihak MPKK menyempurnakan maklumat seperti di dalam dokumen **SURAT PERSETUJUAN ORGANISASI UNTUK MELAKSANAKAN KURSUS PERMINTAAN** di dalam dua salinan. Satu salinan hendaklah dikembalikan kepada MPC Pejabat Wilayah Utara.

### 6.6 Pengesahan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh 7 hari bekerjadari tarikh kertas cadangan ini dikeluarkan.

## **7.0 Cadangan Tempat dan Tarikh**

- Tempat : Hompton Hotel
- Tarikh : 21-22 Oktober 2024
- Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang (2 hari)
- Fasilitator : Disediakan oleh pihak MPC Wilayah Utara

## **8.0 Pembayaran**

8.1 Program latihan dua hari ini mengenakan caj RM750 setiap peserta berjumlah RM37,500 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus) untuk 40 peserta. Caj ini merangkumi yuran profesional bagi tenaga pengajar berpengalaman, bahan program seperti nota kursus, fail, dan sijil penyertaan, serta bahan guna habis seperti kertas dan alat tulis.

8.2 Perbelanjaan adalah untuk urusan pakej penginapan untuk 2 hari 1 malam serta penyediaan makan / minum peserta termasuklah bayaran tenaga pengajar.

8.0 Pertanyaan dan Perbincangan Lanjut:

Untuk keterangan dan perbincangan lanjut, sila hubungi:

### **PENGARAH**

#### **Perbandanan Produktiviti Malaysia (MPC)**

Pejabat Wilayah Utara  
Jln Tun Hamdan Sheikh Tahir,  
13100 Kepala Batas, Penang

(PIC: Mohd Amirol bin Md Khair)

Emel: [amirol@mpc.gov.my](mailto:amirol@mpc.gov.my)

Tel : 018-9678870

## AGENDA PROGRAM

**Organisasi/Syarikat : Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK)**

**Tarikh : 21-22 Oktober 2024**

**Tempat : MPC Wilayah Utara, Kepala Batas**

**Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang (2 hari)**

| HARI/MASA           | AKTIVITI                                                                                                                                                                                                                               |
|---------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>HARI PERTAMA</b> |                                                                                                                                                                                                                                        |
| 9.00 pagi           | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengenalan kepada AI dan ChatGPT</li><li>• Apa itu AI dan bagaimana ChatGPT boleh membantu dalam tugas harian?</li><li>• Contoh penggunaan ChatGPT dalam sektor awam</li></ul>                 |
| 10.30 pagi          | Rehat                                                                                                                                                                                                                                  |
| 11.00 pagi          | <ul style="list-style-type: none"><li>• Penggunaan ChatGPT dalam Penulisan Surat dan Email</li><li>• Teknik menulis surat rasmi yang efektif</li><li>• Menyediakan email yang profesional dan berkesan</li></ul>                       |
| 12.30 tghari        | Rehat & Makan Tengahari                                                                                                                                                                                                                |
| 2.00 petang         | <ul style="list-style-type: none"><li>• Penulisan Artikel Akhbar dan Artikel Sosial Media menggunakan ChatGPT</li><li>• Kaedah menghasilkan artikel yang menarik dan bermaklumat</li></ul>                                             |
| 3.30 petang         | Hands-On: Latihan Praktikal Penulisan Peserta menjalankan latihan menulis menggunakan ChatGPT dengan bimbingan fasilitator                                                                                                             |
| 5.00 petang         | Tamat                                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>HARI KEDUA</b>   |                                                                                                                                                                                                                                        |
| 9.00 pagi           | <ul style="list-style-type: none"><li>• Minit Mesyuarat dan Penyediaan Laporan dengan ChatGPT</li><li>• Teknik menyediakan minit mesyuarat yang jelas dan tepat</li><li>• Menyusun laporan yang komprehensif dan berstruktur</li></ul> |
| 10.30 pagi          | Rehat                                                                                                                                                                                                                                  |
| 11.00 pagi          | <ul style="list-style-type: none"><li>• Penyediaan Slide Pembentangan Menggunakan ChatGPT</li><li>• Cara menghasilkan slide pembentangan yang profesional</li><li>• Tips untuk pembentangan yang berkesan</li></ul>                    |
| 12.30 tghari        | Rehat & Makan Tengahari                                                                                                                                                                                                                |
| 2.00 petang         | <ul style="list-style-type: none"><li>• Analisis Data dan Pelaporan Menggunakan ChatGPT</li><li>• Teknik menganalisis data dengan AI</li><li>• Membuat laporan analitik yang mudah difaham</li></ul>                                   |
| 3.30 petang         | Hands-On: Latihan Praktikal dan Pembentangan Peserta Peserta membentangkan hasil kerja Sesi soal jawab dan maklum balas fasilitator                                                                                                    |
| 5.00 petang         | Tamat                                                                                                                                                                                                                                  |

### Nota:

**10.30am – 10.45am Minum pagi**

**12.30pm – 2.00pm Makan tengahari**

**3.30pm – 3.45pm Minum petang**

## SURAT PERSETUJUAN

1. Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) dengan ini bersetuju menerima perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) seperti yang dicadangkan iaitu:

|                |   |                                                                                                                                                                              |
|----------------|---|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Program</b> | : | KURSUS INTENSIF TRANSFORMASI DIGITAL MELALUI PENGGUNAAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE (CHATGPT) BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH (MPKK) |
| <b>Tempat</b>  | : | Hompton Hotel                                                                                                                                                                |
| <b>Tarikh</b>  | : | 21-22 Oktober 2024                                                                                                                                                           |
| <b>Masa</b>    | : | 9.00 PG – 5.00 PTG                                                                                                                                                           |

2. Pihak organisasi tuan/puan perlu menyediakan keperluan dan peralatan pengendalian kursus yang diperlukan seperti yang dinyatakan didalam kertas cadangan.
3. Pihak tuan/puan perlu menjelaskan yuran sejumlah: .....  
(Ringgit Malaysia: .....  
dan dibayar melalui cek atas nama “**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA**” atau didebitkan ke dalam akaun **Bank Islam 07043010007450** sebelum program berjalan atau menyertakan Pesanan Jabatan (LO) atau Surat Akujanji Pembayaran sebagai jaminan bayaran.

Sekian, terima kasih.

***Dipersetujui menerima cadangan ini:***

Tandatangan : **COP RASMI ORGANISASI**

Nama :

Jawatan :

Email :

No. Telefon :

Tarikh :

\*(Untuk diisi dan dikembalikan oleh Pegawai MPC)

Projek ini telah diterima dan disahkan oleh:

Disediakan oleh : **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama :

Jawatan :